

HAD AL-KIFAYAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM: MERUNGKAI KEPERLUAN KAEDAH PENENTUAN GARIS MISKIN DAN KAYA BERASASKAN SUNNAH DI MALAYSIA

Oleh:

Mansor Bin Sulaiman, Hasan Bin Ahmad, Ahmad Irfan Bin Ikmal Hisham, Noradilah Binti Md Nordin & Saharudin Bin Ramli

(Universiti Malaysia Pahang)

Abstrak

Tulisan ini cuba mengutarakan salah satu konsep berasaskan *Sunnah* dalam ekonomi Islam iaitu konsep *Had al-Kifayah* (Garis kecukupan keperluan seseorang) yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat Islam di Malaysia hari ini. Menerusi tulisan ini, pengkaji cuba mengenangkan kelebihan konsep ini dalam menentukan garis pemisah antara miskin dan kaya dalam sesebuah negara berbanding dengan Paras Garis Kemiskinan yang digunakan di Malaysia. Sehubungan itu, pengkaji akan mengutarakan dalil-dalil menerusi *al-Quran* dan *al-Hadith* serta analisis yang mengambil kira pandangan pelbagai ulama dalam pelbagai mazhab. Analisis ini seterusnya akan dibandingkan dengan konsep Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan di Malaysia. Seterusnya pengkaji akan mengutarakan hasil perbandingan ini meliputi penjelasan berkenaan kekuatan konsep *Had al-Kifayah* dalam pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat. Akhirnya tulisan ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam penentuan garisan yang memisahkan antara golongan miskin yang layak menerima zakat dan juga golongan kaya yang wajib mengeluarkan zakat menurut panduan berasaskan konsep *Had al-Kifayah* ini. Selain itu, ia juga diharapkan dapat memperlihatkan perbezaan antara panduan *syariah* dan bukan *syariah* dalam penentuan garis keperluan masyarakat dalam sesebuah negara.

Key words:

Had al-Kifayah, had kecukupan, ekonomi Islam, zakat, Paras Garis Kemiskinan (PGK)

PENDAHULUAN

Persoalan ekonomi merupakan perkara yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Rasulullah sendiri lahir ketika ekonomi Makkah sedang berkembang. Al-Quran juga menggambarkan bahawa masyarakat Arab pada zaman tersebut merupakan masyarakat yang telah diresapi dengan pengaruh kebendaan. Disebabkan itu, aktiviti riba berkembang sehingga menimbulkan gejala-gejala sosial yang lain seperti penguasaan kuat terhadap lemah, kaya terhadap miskin, kezaliman berleluasa sehingga menghancurkan akhlak manusia dan sebagainya. Dari sudut lain pula, program-program hiburan, minum arak, pelacuran dan sebagainya mengembang biak sehingga akhirnya timbul persepsi bahawa perempuan dianggap sebagai suatu yang buruk sepertimana disebutkan Allah dalam ayat 58, Surah al-Nahl (Shami, Salih Ahmad al-, 1992: 64-65). Oleh itu nas-nas awal banyak datang dalam bentuk rawatan terhadap nilai-nilai berkaitan dengan kecintaan yang melampau terhadap ‘kebendaan’ yang menyebabkan lahirnya akhlak-akhlak buruk seperti di atas¹. Di samping itu,

¹ Surah-surah awal yang diturunkan banyak menjelaskan bahawa sikap melampau batasan berlaku disebabkan banyaknya harta dan kaya. Surah-surah pada peringkat awal juga banyak menekankan masalah yang timbul akibat terlalu cintakan harta dan berusaha keras ke arahnya, dan melampau dalam mengejarnya dan berbangga dengannya dan menjadikannya sebagai petunjuk kepada kemuliaan seseorang. Antara surah-surah yang menjelaskan perkara yang sama (surah awal) ialah seperti surah al-Qalam, al-Muzzammil, al-Muddathir, al-Masad, al-Fajr, al-‘Adiyat, al-Takāthur, al-Humazah, al-Balad. (Darwazah, 2000, j. 1: 326)

banyak nas yang *dikhitābkan* (ditujukan) kepada Rasulullah atau pun kepada kafir Quraysh sendiri pada ketika itu didatangkan dalam bentuk membandingkan pencapaian mereka dari sudut kebendaan dengan pencapaian tamadun silam yang jauh lebih hebat daripada mereka tetapi telah dihancurkan disebabkan pendirian sama mereka terhadap rasul yang diutuskan². Seterusnya selepas peristiwa Hijrah, semakin banyak nas yang diturunkan dalam bentuk memandu manusia dalam persoalan ekonomi mengikut acuan Islam. Sehubungan itu, tulisan ini dikemukakan bagi mengutarakan *Had al-Kifayah* sebagai salah satu unsur penting dalam ekonomi Islam sebagai penegasan berkenaan kekuatan unsur ekonomi yang berasaskan kepada sunnah.

KONSEP *HAD AL-KIFAYAH*

Istilah *had al-kifayah* ini bukanlah suatu istilah yang dikemukakan oleh al Quran atau al-Sunnah, tetapi ia merupakan istilah yang diambil para ulama daripada ruh nas-nas tersebut (al-Fanjari, 2010). Antara contoh nas yang boleh dijadikan rujukan berkenaan ketentuan *had al-kifayah* ini adalah seperti hadith Rasulullah berikut:

لِيْسَ الْمُسْكِنُ الَّذِي يَطْوِفُ عَلَى النَّاسِ ، تَرَدَّدُ الْلَّقْمَةُ وَاللَّقْمَتَانِ وَالتَّمْرَةُ وَالتَّمْرَتَانِ وَلَكِنَّ الْمُسْكِنَ الَّذِي لَا يَجِدُ غَنِيًّا يَغْنِيهُ
وَلَا يَفْطَنُ بِهِ فَيُنَصِّدِّقُ عَلَيْهِ وَلَا يَقُولُ فِي سَأَلِ النَّاسِ (متفقٌ عَلَيْهِ)³

Maksudnya:

“Bukanlah miskin itu seorang yang mendatang-datangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin itu ialah seorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengkayakannya dan dalam masa yang sama tidak melakukan sesuatu yang membuatkan orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga dia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka”

(Shahihul Bukhari: 1/457 no: 1476 dan Shahih Muslim: 2/719 no: 1039)

Had al-Kifayah secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkau persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Uwais, 2004, j.1 : 334). Ia merupakan tahap yang lebih tinggi berbanding *had*

² Rujuk al-Qurān, antaranya Surah al-An‘ām, ayat 6, Surah Muhammad, ayat 13, kisah kaum Nūh, ‘Ād dan Thamūd di awal surah Sād, dan banyak lagi.

³ Hadith di atas menjadi dalil bahawa miskin itu bermaksud gabungan antara ciri tidak kaya dan tidak dilihat sebagai susah disebabkan sifat *al-ta’affif* (menjaga diri). Hadith ini juga dijadikan dalil oleh mereka yang berpendapat bahawa faqir lebih susah daripada golongan miskin. Antara dalil mereka adalah seperti dalil berkenaan pemilikan sampan yang digunakan untuk mendapatkan sumber pendapatan oleh orang miskin seperti mana disebutkan al-Quran dalam ayat 79, Surah al-Kahfi. Menurut mazhab ini, orang miskin adalah mereka yang memiliki sesuatu tetapi tidak mencukupi manakala orang faqir pula adalah orang yang tidak memiliki sesuatu. Manakala Abu Hanifah dan al-‘Atrah berpendapat bahawa miskin lebih susah daripada faqir berdasarkan firman Allah: اَوْ مَسْكِنًا ذَا مَتْرِبَةٍ. Ia bermaksud orang miskin menutup tubuh mereka dengan tanah disebabkan tiada pakaian. Ia menunjukkan betapa susahnya kehidupan mereka. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa miskin dan faqir adalah dalam kategori yang sama, ia merupakan pendapat Ibn al-Qasim dan pengikut-pengikut Imam Malik dengan berhujahkan bahawa maksud miskin itu sendiri membawa makna kelemahan dalam mendapatkan keperluan-keperluan duniawi.

*al-kafaf*⁴ dalam kehidupan dan boleh bertambah serta berubah berdasarkan perubahan peringkat kemajuan mengikut sesuatu tempat dan zaman. Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *had al-kifayah* antaranya ialah *al-hajah al-asliyyah* (keperluan asas) menurut fuqaha' al-Hanafiyah (mazhab Hanafi) dan juga *had al-Ghina* (tahap kekayaan) (Al-Fanjari, 2010, j. 1: 39).

Selain itu, ia juga menjadi garisan pemisah antara mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang perlu membayar zakat⁵. Barangsiapa yang pendapatannya melebihi *had al-kifayah* perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang kurang daripada had ini layak menerima zakat sehingga tahap memenuhi tahap tertentu yang didefinisikan sebagai *had al-kifayah* itu sendiri. Oleh kerana *had al-kifayah* ini boleh berbeza dan berubah mengikut zaman dan tempat, maka pemerintah berperanan dalam mengenalpasti had ini. Ia dikira sebagai suatu kewajiban negara kerana melibatkan hak orang yang perlu membayar zakat serta hak mereka yang sepatutnya menerima zakat (Uwais, 2004, j.1 : 335). Secara umumnya, definisi ini menunjukkan bahawa *had al-kifayah* merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.

KONSEP KECUKUPAN DALAM *HAD AL-KIFAYAH*

Penjelasan di atas menunjukkan *had al-kifayah* sebagai tahap kecukupan yang tertentu. Persoalan kecukupan ini banyak dibincangkan dalam perbahasan ulama berkenaan persoalan kemiskinan dan kadar pemberian zakat terhadap golongan miskin dan fakir seperti berikut:

I. KECUKUPAN DALAM PERBINCANGAN FAKIR MISKIN

Dalam pandangan Islam, kemiskinan dikira apabila seseorang itu tidak mencapai tahap kehidupan sepertimana kebiasaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Tahap ini adalah berbeza mengikut perbezaan masa dan tempat. Tahap inilah yang diistilahkan para ulama silam sebagai *had al-Kifayah* yang tertakluk kepada keperluan-keperluan kehidupan yang tertentu. Ia bermaksud bahawa seseorang itu dikira fakir dan miskin selagi mana tidak memenuhi keperluan mengikut kadar yang menjadikannya mewah dan kaya seperti orang lain (al-Fanjari, 2010, j. 1: 35). Dalam erti kata lain, fakir dan miskin adalah seseorang yang tidak memenuhi tahap selayaknya untuk kehidupan berdasarkan kepada zaman dan masa yang berkenaan. Manakala dari sudut istilah pemikiran ekonomi Islam pula, fakir dan miskin ialah seseorang yang tidak memenuhi *had al-Kifayah* atau *had al-ghina* dan bukan *had al-kafaf*.

⁴ *Had al-Kafaf* merupakan tahap terendah bagi kehidupan seseorang. Iaitu keupayaan memiliki makanan, pakaian dan tempat tinggal yang paling minimum sehingga sekiranya seseorang itu berada di bawah tahap ini nescaya seseorang itu tidak boleh hidup dan tidak berupaya menghasilkan sesuatu. Had ini tidak boleh dikurangkan manakala ketentuannya berasaskan kepada kuasa beli mengikut zaman dan tempat. (al-Fanjari, 2010, j.1: 38)

⁵ Ijma' para ulama memutuskan bahawa syarat nisab zakat adalah lebih daripada keperluan yang sebenar iaitu *had al-kifayah*. Ini adalah disebabkan seseorang yang sibuk untuk memenuhi keperluan sebenar (berkaitan ekonomi) adalah seperti tidak memilikinya dan zakat hanya dikenakan kepada golongan yang kaya.

Perkara ini juga disentuh secara tidak langsung dalam perbahasan mazhab-mazhab fiqh berkenaan faqir dan miskin. Antaranya, faqir menurut al-Shafi'iyyah dan al-Hanabilah⁶ adalah seseorang yang tidak memiliki harta dan pendapatan yang memenuhi keperluan (*kifayahnya*) atau hajatnya. Antara ciri golongan ini ialah tidak memiliki suami atau waris yang dapat mencukupkan keperluan mereka. Keperluan makan-minum, pakaian dan tempat tinggal mereka tidak mencukupi iaitu jika dinisbahkan ia hanya memenuhi keperluan 30% daripada keperluan yang sepatutnya. Mereka yang termasuk dalam kategori seperti ini dikira fakir walaupun merupakan seorang yang sihat dan dalam masa meminta sedekah atau pun memiliki rumah dan pakaian yang termasuk dalam kategori cantik bagi tujuan berhias-hias. Manakala miskin pula adalah seorang yang memiliki pendapatan yang digunakan untuk menampung dirinya tetapi masih tidak mencukupi. Iaitu pendapatannya hanya mencukupi untuk menampung 80% daripada keperluan makan-minum, pakaian dan tempat tinggal (al-Nawawi [t.th.]; j. 6: 171-172).

Perbahasan di atas secara umum boleh menunjukkan kepada kita *had al-Kifayah* itu adalah melebihi tahap faqir dan miskin. Bahkan kalau dibincangkan dari sudut peratusan seperti di atas bolehlah dikatakan faqir di tahap 30%, miskin 80% dan *had al-Kifayah* adalah 100%. Iaitu *had al-Kifayah* ini merupakan tahap yang ideal untuk kehidupan yang sempurna dari sudut ekonomi seseorang individu atau keluarga tanpa berlebih-lebihan dalam kehidupan.

II. KECUKUPAN DALAM PERBINCANGAN AGIHAN ZAKAT

Pandangan mazhab berkenaan pemberian zakat (hak mendapatkan zakat) juga menunjukkan berkenaan ketentuan *had al-kifayah* dalam syariat Islam. Secara umumnya terdapat dua pendapat besar berkenaan kadar pengagihan zakat terhadap golongan fakir dan miskin yang memerlukan. Pendapat pertama adalah pendapat yang menyatakan bahawa pemberian itu dengan pemberian yang mencukupi seumur hidup. Pemberian itu perlu bersifat penyelesaian kepada permasalahan kefakiran yang dihadapi oleh si fakir tersebut. Iaitu difokuskan kepada penyelesaian terhadap punca kefakiran dengan pemberian yang mencukupkan secara berterusan sehingga tidak memerlukan lagi kepada zakat.

Antara pemuka pendapat ini adalah mazhab Shafii (al-Nawawi [t.th.]; j. 6: 175) sendiri yang berpandangan bahawa pemberian zakat tersebut perlu merupakan pemberian yang mampu mengeluarkan golongan fakir dan miskin daripada situasi memerlukan (berhajat kepada bantuan) kepada situasi kaya. Iaitu pemberian sehingga mencapai tahap yang mencukupkan keperluannya secara berterusan. Dalil yang disandarkan oleh mazhab Shafii bagi kenyataan ini adalah hadith Rasulullah yang berbunyi:

لَا تُحْلِّي الْمَسْأَلَةُ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةً : رَجُلٌ تَحْمِلُ حَمَالَةً حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يَمْسِكُ وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاهَتْ مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عِيشٍ – أَوْ قَالَ سَدَادًا مِنْ عِيشٍ – وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُولَ ثَلَاثَةً مِنْ ذُو

⁶ al-Shafi'iyyah dan al-Hanabilah berpendapat bahawa faqir lebih susah daripada miskin, antaranya berdasarkan dalil berkenaan asnaf zakat yang dimulakan dengan sebutan faqir terlebih dahulu. Kebiasaannya al-Quran mendahulukan persoalan yang lebih penting terlebih dahulu.(al-Zuhaily, 1989, j.6: 869-870)

الحاجة من قومه : قد أصابت فلانا فاقعة فحلت له المسألة ، حتى يصيّب قواماً من عيش – أو قال سداداً من عيش – فما سواها يا قبيحة – سحت يأكلها أصحابها سحتا (رواه مسلم)

(Shahih Muslim: 2/722 no: 1044)

“Meminta-minta tidaklah dihalalkan kecuali bagi tiga orang: Pertama, seorang yang memikul tanggungan hutang, maka ia boleh meminta bantuan hingga ia dapat menutupi hutangnya kemudian berhenti meminta. Kedua, seorang yang tertimpa musibah terhadap seluruh hartanya, maka ia boleh meminta bantuan hingga ia memperoleh apa yang dapat memenuhi keperluan hidupnya. Atau hingga ia dapat mencukupi keperluannya. Ketiga, seorang yang ditimpa kemelaratan hingga tiga orang yang berakal dari kaumnya membuat persaksian: 'Si fulan telah ditimpa kemelaratan', maka ia boleh meminta bantuan hingga ia memperoleh apa yang dapat memenuhi keperluannya. Selain dari tiga macam itu hai Qabishah, hanyalah merupakan barang haram yang dimakan oleh si peminta-minta sebagai barang haram,”

Berhubung nas di atas, Imam al-Nawawi menyatakan bahawa *ashab al-Shafii* (tokoh-tokoh dalam mazhab Shafii) berpandangan bahawa ia bermaksud bahawa Rasulullah membenarkan perbuatan meminta (tuntutan zakat) sehingga meliputi kadar yang dapat menyempurnakan hajat seseorang. Di samping itu, mereka juga menjelaskan bahawa sekiranya kebiasaan orang yang susah itu adalah bekerja, maka perlu diberikan kepadanya kadar yang memungkinkan beliau membeli peralatan untuk pekerjaan tersebut. Tidak kira sama ada nilai alat itu tinggi atau rendah. Kadar yang diberikan tersebut juga perlulah kadar yang membolehkan beliau mendapatkan keuntungan yang mencukupkan keperluan hidupnya berdasarkan kebiasaan. Kadar itu berbeza mengikut kepada jenis pekerjaan, tempat, masa dan orang yang berkenaan. Sekiranya beliau bukan seorang dalam kategori pekerja, peniaga atau sebarang profesion yang boleh mendatangkan pendapatan, maka diberikan mengikut kadar yang dapat memenuhi keperluan sepanjang hidupnya mengikut kebiasaan. Contohnya, diberikan kepadanya kadar yang boleh memungkinkan beliau membeli hartanah yang dapat memberikan pulangan yang mencukupkan keperluannya. Pendapat mazhab lain yang selari dengan pendapat ini antaranya seperti pandangan Imam Ahmad yang mengharuskan orang faqir untuk mengambil daripada zakat dengan kadar yang mencukupkan keperluannya secara berterusan. Antaranya dengan kadar yang memungkinnya untuk bermiaga atau membeli peralatan yang membantunya mendapatkan rezeki dan sebagainya. Pendapat ini turut dikongsi oleh sebahagian ulama mazhab ini(Sayyid Hawwa, 1988: 126-127). Manakala pendapat kedua pula adalah pendapat daripada al-Malikiyah dan jumhur Hanbali yang berpandangan bahawa pengagihan itu hanya untuk keperluan setahun bertepatan dengan bayaran zakat yang bersifat tahunan (Sayyid Hawwa, 1988: 127). Walaupun pendapat ini menyatakan keperluan itu adalah keperluan setahun, tetapi ia masih menuntut kepada mengenalpasti tahap kecukupan seseorang yang selayaknya diberikan zakat tersebut serta berapakah kadar yang sepatutnya diberikan.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa *had al-kifayah* ini bukan sekadar tahap yang memenuhi keperluan dalam bentuk mencukupkan kekurangan dalam pendapatan tetapi menjangkaui sehingga mencukupkan keperluan hidup yang diperlukan bagi mengembangkan lagi kualiti kehidupan. Ia juga merupakan tahap yang boleh berubah mengikut keperluan individu di samping tertakluk juga kepada faktor-faktor lain seperti masa, tempat dan keadaan seseorang itu sendiri.

ELEMEN-ELEMEN KEPERLUAN HIDUP DALAM PENGIRAAN HAD AL-KIFAYAH

Perbahasan di atas menunjukkan terdapat tiga ciri utama dalam persoalan kecukupan ini iaitu pertama ia merupakan had yang menentukan garis keperluan hidup yang selayaknya bagi sesebuah masyarakat, kedua ia sebagai keperluan yang boleh memungkinkan seseorang itu untuk mengembangkan pendapatannya dan bukan sekadar memenuhi keperluan dan ketiga aspek kecukupan itu boleh berubah mengikut perubahan-perubahan yang melingungi kehidupan seseorang. Menerusi ciri-ciri ini ia dapat membantu dalam mengenalpasti elemen-elemen yang perlu diambil kira dalam pengiraan *Had al-Kifayah* memandangkan had ini merupakan persoalan yang tidak ada penentuan khusus daripada nas berkenaan kadar yang berkenaan. Bahkan perbahasan dalam bidang fiqh juga menunjukkan terdapat pelbagai pandangan ulama berkenaan had ini (al-Qaradhawi, 1991, j.2: 547). al-Imam Malik sendiri telah memberikan komentar bahawa persoalan ini terbuka kepada ijтиhad, iaitu terbuka kepada kajian-kajian untuk menentukan had yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat (al-Zuhaily, 1989, j.6: 876). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan had al-Kifayah itu dalam berhadapan dengan keperluan masa dan tempat yang berbeza dan berubah-ubah.

Sehubungan itu, tulisan ini akan mengemukakan beberapa elemen-elemen atau item-item dalam kategori keperluan hidup yang selari dengan ciri-ciri yang dijelaskan di atas. Ciri-ciri ini dikemukakan berdasarkan penelitian terhadap dalil-dalil yang berkenaan seperti berikut:

1. DALIL-DALIL PELBAGAI KATEGORI KELAYAKAN MENERIMA ZAKAT

Hadith 1:

المسألة لا يحل إلا لثلاثة لذى فقر مدقع أو لذى غرم مفطع أو لذى دم موجع

Maksudnya:

“Permintaan (zakat) itu tidak dibolehkan melainkan untuk tiga perkara; iaitu untuk mereka yang dalam kemiskinan yang tegar, penghutang yang sukar untuk melunaskan hutangnya (terlalu besar) dan juga orang yang perlu mencari wang untuk membayar diyat (bagi pihak keluarganya)”

(Musnad Imam Ahmad: 3: 114, 126-127)(Sunan Abu Dawud: Hadith no: 1641)(Sunan al-Tirmizi: Hadith no. 1218- dikatakan ia sebagai hadith hasan)

Hadith 2:

لا يحل الصدقة لغنى ولا لذى مرة سوى

Maksudnya:

“Tidak halal sedekah untuk orang kaya dan tidak pula untuk orang yang berkemampuan untuk bekerja (*mirrah*)”

(Hadith riwayat Abu Dawud daripada Abdullah Bin Amr (RA), Sunan Abu Dawud, Jil. 2, Kitab al-Zakah, bab man yu’ti min al-sadaqah, wa haddu al-Ghina, hadith no 1568)

Hadith 3:

عن عبيد الله بن عدى بن الخبراء أن رجلاً أتيا النبيَّ يسألنه من الصدقة فقلَّ فيها البصر ورأهما جلين فقالَ
ان شئتما أعطيتكمَا ولا حظٌ فيها لغنىٌ ولا لقىٌ مكتسبٌ

Maksudnya:

Daripada Ubaidillah Bin Adi Bin al-Khiyar berkata bahawa dua orang pemuda memberitahunya bahawa mereka berdua telah mendatangi Nabi dan meminta kepadanya sedekah, lalu Nabi merenung mereka lalu bersabda: “Sekiranya kamu hendak, aku akan berikan kepada kamu berdua dan tiadalah bahagian sedekah ini bagi orang kaya dan juga orang kuat yang boleh memperolehi pendapatan (bekerja)”

(Musnad Imam Ahmad: 4/244) (Abu Dawud, Hadith no 1633)

Hadith 1 dan 2 menjelaskan bahawa zakat hanya diberikan kepada mereka yang miskin dan mereka yang mempunyai ciri-ciri seperti seorang miskin. Sebagai contohnya hadith pertama menjelaskan tentang mereka yang dibenarkan untuk meminta iaitu miskin tegar, penghutang yang sukar melunaskan hutangnya iaitu perlu melakukan kerja-kerja yang berat untuk membayar hutang tersebut dan juga orang yang perlu mencari wang untuk membayar diyat bagi pihak keluarganya⁷. Manakala hadith ke 2 pula menjelaskan berkenaan larangan mendapatkan zakat bagi orang kaya dan memiliki kekuatan (*mirrah*)⁸. Berhubung kekuatan (*mirrah*) dalam hadith ini yang didatangkan secara *mutlak*, ia di’kait’kan (*muqayyad*) dengan hadith ke 3 yang mengaitkan kekuatan itu dengan kekuatan untuk bekerja yang membawa kepada pendapatan (ولَا لقىٌ مكتسبٌ). Oleh itu, daripada hadith ke 2 dan ke 3 ini, ia memberi maksud bahawa kekuatan semata-mata tidak membawa kepada tidak layak untuk menerima zakat. Ketidaklayakan ini hanya bagi seorang yang kuat yang bekerja dengan menggunakan kekuatannya, tetapi sekiranya seorang itu kuat semata-mata tetapi tidak ada pekerjaan maka dia layak untuk terima zakat . Selain itu, persoalan kerja di dalam hadith ini juga memberi maksud kerja yang membawa kepada pendapatan yang mampu mencukupkan keperluan seseorang (al-Shaukani, t.th., j.4: 159-160).

Secara umumnya hadith-hadith di atas memperincikan ciri-ciri golongan yang belum mencapai tahap kecukupan yang sepatutnya. Ciri-ciri di atas juga boleh dikembangkan kepada aspek-aspek lain seperti kemiskinan boleh dikaitkan dengan keadaan yang sentiasa dalam kesulitan, hutang boleh dikaitkan dengan kesukaran disebabkan berlakunya sesuatu yang tidak dijangka terhadap dirinya atau disebabkan perkara berkaitan dengan urusan kehidupan dirinya dan keluarga, diyat boleh dikaitkan dengan kesukaran yang mendatang disebabkan faktor-faktor luaran manakala ketiadaan pekerjaan boleh dikaitkan dengan pendapatan yang tidak mencukupi. Ia juga menunjukkan bahawa seseorang yang senang sekiranya menghadapi musibah sehingga menyebabkan kedudukan kewangannya atau pemilikannya berada di paras bawah daripada had kehidupan yang sempurna iaitu *had al-kifayah*, layak untuk menerima zakat.

⁷ Sehingga peringkat sekiranya tidak cukup wang diyat maka keluarga beliau tersebut boleh dibunuuh.

⁸ Terdapat 2 pendapat berkenaan maksud *mirrah* di dalam hadith ini iaitu pertama ia bermaksud kekuatan dan keupayaan akal. Manakala pendapat kedua menyatakan ia bermaksud keupayaan untuk bekerja [mendapatkan pendapatan] dan beramal)

2. DALIL-DALIL KADAR DAN KETENTUAN KELAYAKAN TERIMA ZAKAT

Hadith 1:

عَنْ الْحَسْنِ بْنِ عَلَىٰ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ لِلسَّائِلِ حَقٌّ وَانْ جَاءَ عَلَىٰ فَرْسٍ

Maksudnya:

Daripada al-Hasan Bin Ali berkata, sabda Rasulullah saw: “Bagi peminta ada hak, walaupun dia datang dengan berkuda”

Hadith 2:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَنْ سُأْلَ وَلَهُ قِيمَةً أُوْفِيَتْ فَقَدْ أَلْحَفَ

Maksudnya:

Daripada Abu Said berkata, sabda Rasulullah saw: “Barangsiapa yang meminta dalam keadaan dia sendiri memiliki harta bernilai satu *Uqiyah*, sesungguhnya dia telah meminta secara mendesak”

(Sunan Abu Dawud, Hadith no. 1628)(Sunan al-Nasaa’i: Hadith no: 2596)

Hadith 3:

عَنْ سَهْلِ بْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ مَنْ سُأْلَ وَعِنْهُ مَا يَغْنِيهِ فَإِنَّمَا يَسْتَكْثِرُ مِنْ جَهَنَّمَ . قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ : مَا يَغْنِيهِ ؟ قَالَ مَا يَغْذِيهِ أَوْ يَعْشِيهِ

Maksudnya:

Daripada Sahl Bin al-Hanzaliyah, daripada Rasulullah saw, bersabda: “Barangsiapa yang meminta dalam keadaan dirinya memiliki suatu yang mengkayakannya sesungguhnya dia menambah untuk dirinya bara api neraka jahanam” Sahabat bertanya: “Apakah nilai yang mengkayakannya?” Lalu Rasulullah menjawab: “Suatu yang dia biasa memakannya atau menyambung hidupnya”.

(Musnad Imam Ahmad: 4/180) (Sunan Abu Dawud, Hadith no 1629)

Hadith 4:

مَنْ سُأْلَ وَلَهُ مَا يَغْنِيهِ جَاءَتْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَدْوِشًا أَوْ كَدْوِشًا فِي وِجْهِهِ ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا غَنَاهُ ؟ قَالَ خَمْسُونَ دِرْهَمًا أَوْ حَسَابَهَا مِنَ الْذَّهَبِ

Maksudnya:

“Barangsiapa yang meminta sedangkan beliau memiliki sesuatu yang mengkayakannya, maka ketika hari akhirat, beliau akan datang dalam keadaan yang buruk pada wajahnya” Lalu sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah kadar yang mengkayakannya?” Lalu Rasulullah menjawab: “50 dirham atau nilai seumpamanya dalam bentuk emas”.

(Musnad Imam Ahmad: 1/441-446) (Sunan Abu Dawud hadith no: 1626)

Hadith yang pertama di atas menunjukkan suruhan untuk bersangka baik terhadap muslim yang meminta-minta dengan tidak menunjukkan sikap buruk sangka kepadanya serta

memuliakannya dengan menzahirkan kegembiraan. Maksud kuda yang ditungganginya dalam hadith ini pula boleh di'takdir'kan sebagai kuda yang biasa tanpa hiasan ataupun penunggang kuda itu termasuk di kalangan mereka yang kaya yang diharuskan menerima zakat disebabkan terpaksa menanggung bebanan tertentu atau pun hutang kerana untuk mengislahkan permasalahan dalam keluarga. Dalam konteks yang lain, al-Quran menunjukkan pemilikan kenderaan bukanlah suatu yang menafikan kedudukan seseorang sebagai miskin. Ia boleh dilihat menerusi ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa golongan miskin memiliki sampan yang digunakan untuk bekerja dalam aktiviti laut sepertimana telah dijelaskan di atas(Al-Zuhaily, 1989; j.2: 870). Manakala hadith ke 2,3 dan 4 pula menjelaskan tentang kadar yang dikatakan sebagai kaya iaitu antaranya berkeupayaan mendapatkan makanan sehingga peringkat mengenyangkan dan juga mempunyai pegangan bernilai dengan kadar terperinci seperti 1 *Uqiyah* yang bersamaan dengan 40 dirham dalam hadith ke 2 dan kadar 50 dirham dalam hadith ke 4 (Al-Shaukani, t.th., j.4: 161-162). Oleh kerana itu, terdapat di kalangan ulama seperti al-Thauri, Ibnu al-Mubarak, Ahmad, Ishaq dan segolongan daripada ahli ilmu yang lain berpendapat bahawa pemilikan nilai sebanyak 50 dirham merupakan penanda aras kepada kekayaan seseorang dan secara tidak langsung tidak layak menerima zakat⁹. Begitu juga terdapat ulama seperti Abu Ubaid al-Qasim Bin Salam yang meletakkan tanda aras seseorang dikira kaya dan tidak boleh menerima zakat ialah pemilikan sebanyak 40 dirham (Ibn Qudamah, 1996, Jil. 4: 94). Walaupun begitu, sebahagian ulama tidak menjadikan kadar tertentu sebagai penentu had al-kifayah ini, antaranya Imam Syafie sendiri meletakkan had itu adalah merujuk kepada cukup atau pun tidak keperluan seseorang dan bukan kepada kadar kewangan yang dimiliki seseorang. Antara lain beliau berpandangan bahawa sekiranya seseorang tidak memiliki 200 dirham, tetapi keperluannya mencukupi untuk kehidupannya maka tidak harus bagi beliau untuk menerima zakat. Selain itu, jika seseorang yang lain memiliki kewangan lebih daripada orang pertama di atas, tetapi dalam masa yang sama sangat memerlukan bantuan lain disebabkan mempunyai pekerjaan yang tidak kukuh dan memiliki anak yang ramai berbanding orang pertama tersebut, maka beliau layak menerima zakat. (al-Shafii, 2001, Jil. 3: 240)

Berdasarkan perkara di atas, ia menunjukkan bahawa *had al-kifayah* tidak semestinya merujuk kepada kadar yang bersifat spesifik. Oleh kerana itu, antara aspek yang boleh diambil kira di sini adalah kadar keperluan semasa yang merujuk kepada tempat, masa dan individu itu sendiri. Berhubung perkara ini, dalam konteks semasa, kenderaan merupakan antara perkara yang boleh dikategorikan sebagai keperluan yang perlu diambil kira sebagai keperluan hidup semasa dan bukan lagi lambang kemewahan. Malahan sekiranya pendapatan seseorang itu tidak mencukupi disebabkan pembayaran kenderaan yang bersifat keperluan (bukan bermewah-mewahan) atau apa-apa perkara yang dikira sebagai keperluan mengikut tuntutan semasa maka ia juga perlu dikira sebagai bebanan yang melayakkannya menerima pembayaran zakat.

3. DALIL-DALIL GOLONGAN YANG BOLEH / TIDAK BOLEH MEMINTA SEDEKAH / ZAKAT

⁹ Pendapat ini dikira pendapat yang paling rajih mengikut al-Shaukani. Walaupun begitu, sekiranya seseorang dengan pemilikan 50 dirham tetapi memiliki keluarga yang besar, beliau masih tidak boleh menerima zakat disebabkan dikira sebagai seorang yang kaya. Zakat hanya boleh diberikan menerusi saluran ahli keluarganya yang memerlukan. (al-Shaukani, t.th., j. 7: 3259-3261)

Hadith 1:

عن سمرة قال قال رسول الله ان المسألة كد يك بها الرجل وجهه الا أن يسأل الرجل سلطانا أو في أمر لا بد منه

Maksudnya:

Daripada Samurah berkata, sabda Rasulullah: “Sesungguhnya meminta-minta sama seperti seorang menggores wajahnya melainkan permintaan seseorang kepada sultan (pemerintah) atau permintaan terhadap sesuatu yang beliau terpaksa meminta”.

(Sunan Turmudzi: 2/65 no: 681 dan dia berkata: Hadits hasan shahih)

Hadith 2:

عن أبي هريرة قال سمعت رسول الله يقول : لأن يغ وأحدكم فيحتطب على ظهره فيتصدق منه ويستغني به عن الناس خير له من أن يسأل رجلاً أعطاه أو منعه

وعنه أيضاً عن النبي من سأله الناس أموالهم تكثر فانما يسأل جمراً فليس تقل او ليستكثر

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah, berkata: “Aku mendengar Rasulullah bersabda: “Bahawa seseorang kamu di pagi hari pergi mencari dan memikul kayu api di atas belakangnya, lalu hasil yang diperoleh disedekahkan kepada orang lain serta memenuhi keperluannya tanpa meminta kepada orang lain, adalah lebih baik daripada meminta dan mengemis, baik diberi atau tidak diberi.”

(Sahih Muslim. Jil 2, Kitab al-Zakah, hadith no. 2267)

Daripada Abu Hurairah juga beliau berkata bahawa Nabi bersabda: “Barangsiapa yang meminta daripada manusia akan harta mereka demi untuk menambah-nambahkan hartanya sendiri, sesungguhnya dia telah meminta bara api neraka, maka kurangkanlah atau perbanyakkan”

(Shahih Muslim: 2/720 no: 1041)

Hadith pertama di atas menunjukkan bahawa meminta zakat daripada pemerintah adalah harus bagi sesiapa sahaja dan hadith ini juga menunjukkan harus meminta zakat dalam keskes yang bersifat kecemasan. Manakala hadith ke 2 menunjukkan gesaan agar *ta'affuf* daripada meminta-minta walaupun begitu ia tidak menghalang meminta ketika dalam keadaan memerlukan. Tetapi sekiranya meminta dalam keadaan tidak perlu iaitu semata-mata untuk menambah hartanya maka ia adalah merupakan perkara yang diharamkan (Al-Shaukani, t.th., j.4: 162).

Berdasarkan perkara di atas, ia menunjukkan bahawa Islam menggesa umatnya yang tidak mempunyai keperluan yang mencukupi agar berusaha untuk meningkatkan ekonomi mereka tanpa meminta daripada pihak yang berkuasa. Walaupun begitu permintaan itu bukanlah suatu yang keji malahan dibolehkan untuk mereka. Manakala bagi mereka yang bukan daripada golongan ini tetapi meminta maka Islam mengutarakan ancaman berbentuk ancaman akhirat kepada mereka. Ia sebagai suatu didikan terhadap masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan di samping mengukuhkan keimanan mereka. Selain itu, hadith

terakhir di atas menunjukkan aspek yang boleh diambil kira dalam penentuan *had al-kifayah* ini iaitu pemberian tersebut tidak boleh diberikan kepada seseorang yang menuntut dengan tujuan untuk berlebih-lebihan dalam pemilikan harta dan keperluan.

ELEMEN-ELEMEN HAD AL-KIFAYAH

Berdasarkan kepada perbincangan dan analisis di atas, elemen-elemen keperluan bagi diambil kira dalam pengiraan *had al-Kifayah* adalah seperti berikut:

- Makan-minum
- Tempat tinggal- beserta keperluan asas dalam rumah
- Pakaian yang baik
- Pekerjaan (gaji yang masih tidak cukup) serta pemilikan alatan-alatan serta keperluan untuk menyempurnakan pekerjaan tersebut
- Pengangkutan / kenderaan
- Sejumlah wang bagi sara hidup harian (dalam keadaan masih tidak mencukupi)
- Kos-kos untuk menampung kehidupan berkeluarga
- Keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan dalam jangka panjang. (contoh: pendidikan)

Selain daripada elemen-elemen di atas, elemen-elemen lain yang dilihat dalam keadaan semasa adalah keperluan bagi melengkapkan kehidupan seseorang selari dengan tahap hidup semasa di sesuatu tempat juga perlu diambil kira. Contohnya ialah keperluan berkaitan komunikasi, buku-buku dan peralatan pelajaran anak-anak sama ada peringkat sekolah atau universiti dan sebagainya.

KEKUATAN KONSEP HAD AL-KIFAYAH DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI SESEBUAH MASYARAKAT

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa *Had al-kifayah* merupakan tahap kehidupan yang selayaknya bagi seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Ia bukan hanya melihat kepada jumlah pendapatan seseorang semata-mata tetapi juga melihat kepada keperluan yang sepatutnya dimiliki seseorang atau sesebuah keluarga mengikut keperluan semasa. Perkara ini diperkuuhkan dengan pandangan al-Fanjari (2010: 32) yang menyatakan bahawa *Had al-Kifayah* merupakan salah satu daripada asas yang menjadi jaminan dalam ekonomi Islam. Beliau turut menyebutkan bahawa ekonomi Islam berdiri di atas 2 asas iaitu pertama: jaminan *had al-kifayah* dan bukan *had al-kafaf* bagi setiap individu yang berada di dalam masyarakat Islam. Kedua: jaminan bekerja dan pemilikan. Berhubung perkara ini, *had al-Kifayah* sebagai asas dalam ekonomi Islam, menjadikan sebarang pengagihan berbentuk ekonomi dalam masyarakat perlu dipastikan dapat menjamin keperluan asas setiap individu. Ini disebabkan *had al-Kifayah* merupakan tahap yang selayaknya bagi memenuhi maksud kehidupan. Ia berbeza dengan *had al-Kafaf* yang bermaksud tahap paling minimum dalam kehidupan. Dalam pandangan syariat Islam, usaha bagi memastikan setiap individu muslim di sesebuah negara mencapai *had al-kifayah* merupakan tanggungjawab negara. Ia juga termasuk dalam kategori *hak Allah* yang tidak boleh dijangkaui oleh hak-hak yang lain.

Penentuan Had al-Kifayah ini secara tidak langsung menepati prinsip Islam itu sendiri yang menekankan keadilan dalam pengagihan kekayaan serta memelihara keseimbangan ekonomi berdasarkan dalil firman Allah:

اعدلو هو أقرب للتفوى

Maksudnya:

“Berlaku adillah, kerana ia hampir kepada taqwa”

(al-Quran; al-Ma’idah: 8)

Keadilan yang dimaksudkan di sini adalah dalam aspek pemeliharaan keseimbangan ekonomi itu sendiri. Berhubung perkara ini, Islam merupakan agama yang menyeru kepada mendapatkan kemewahan dan kekayaan tetapi dengan syarat bahawa kekayaan itu tidak hanya berlegar di kalangan sebilangan kecil manusia sahaja. Dalam erti kata lain Islam menghalang berlakunya perbezaan yang sangat besar dalam pengagihan kekayaan sehingga menyebabkan golongan tertentu sahaja yang memiliki kekayaan luar biasa sedangkan pihak lain berada dalam keadaan yang rendah taraf hidupnya. Apa yang dibenarkan adalah kekayaan itu dapat diratakan pengagihannya dengan perbezaan yang berlaku adalah perbezaan yang terkawal(*mundhabit*) serta seimbang. Perkara ini merupakan tujuan kepada pengagihan dan pemerolehan dalam Islam itu sendiri iaitu bantu-membantu, lengkap-melengkapi dan bukan eksploitasi dan pertembungan yang tidak berkesudahan. Dalil kepada perkara ini adalah firman Allah:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنِ الْأَغْنِيَاءِ مِنْ كُمْ

Maksudnya:

“Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu”

(al-Quran; al-Hashr: 7)

PERBEZAAN HAD AL-KIFAYAH DENGAN PGK

Paras Garis Kemiskinan (PGK) merupakan panduan yang digunakan di Malaysia bagi mengetahui paras garis kemiskinan masyarakat Malaysia setiap tahun. PGK adalah merujuk kepada pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. PGK digunakan untuk mengenalpasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. PGK keseluruhan terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan.

- Insiden kemiskinan keseluruhan ialah apabila PGK keseluruhan lebih tinggi daripada pendapatan purata bulanan (Pendapatan purata bulan IR (isi rumah) < PGK keseluruhan)
- Insiden kemiskinan tegar ialah apabila PGK makanan lebih tinggi daripada pendapatan purata bulanan IR (Pendapatan purata bulanan IR < PGK makanan)

Bagi mengenalpasti PGK makanan maka perlu dikenalpasti komponen asas mengikut komposisi dan saiz isi rumah iaitu jantina, umur, Keperluan Harian Diperlukan (recommended

dietry allowance (RDA)), komponen nutrisi dan paras aktiviti fizikal (physical activity level (PAL)). Keperluan sebenar seterusnya akan dikira berdasarkan kepada keperluan setiap isi rumah (5 orang sekeluarga) dan indeks harga pengguna (consumer price index (CPI))¹⁰. Item-item untuk PGK bukan makanan pula adalah berdasarkan kepada hasil kajian berkenaan penilaian taraf hidup yang dilakukan oleh Bank Dunia (World Bank's Living Standard Measurement Study). Item-item yang berkenaan adalah meliputi pakaian dan kasut, sewaan dan kuasa bahan api, perumahan, pengangkutan dan perumahan dan lain-lain keperluan dan perkhidmatan. Item-item ini diputuskan berdasarkan kepada kaji selidik berkenaan perbelanjaan isi rumah pada tahun 2004/2005 yang mewakili paten perbelanjaan di kalangan 20% isi rumah paling rendah perbelanjaannya. (Mohamed Saladin Abdul Rasool et all 2012: 253-254). Menerusi pengiraan seperti di atas, laporan Unit Perancang Ekonomi (EPU) melaporkan bahawa isi rumah yang dikira miskin tegar di Malaysia pada tahun 2009 adalah RM 460.00 seisi rumah manakala miskin pula adalah dengan kadar RM 760.00 seisi rumah¹¹.

Berdasarkan penjelasan di atas, dilihat bahawa PGK ini mempunyai formula yang baik dalam mendapatkan paras garis kemiskinan dalam masyarakat. Walaupun begitu, sekiranya dibandingkan dengan *Had al-Kifayah* ia hanya sekadar mengenalpasti *Had al-Kafaf* dalam masyarakat. Iaitu ia sekadar memenuhi keperluan terendah dalam masyarakat dan sekiranya sesebuah isi rumah memiliki pendapatan kurang daripada kadar ini maka mereka akan berada dalam keadaan yang amat sukar. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan pendapat yang dikemukakan dalam beberapa tulisan berkenaan yang mempunyai perkaitan dengan tulisan ini antaranya kajian (Mohamed Saladin et all, 2012: 254) menunjukkan bahawa PGK lebih fokus kepada memenuhi keperluan masyarakat (*fullfill*) manakala *Had al-Kifayah* lebih fokus untuk memastikan keperluan asasi harian dapat dipelihara (*sustain*). Begitu juga Siti Hadijah memberikan komentar bahawa dalam PGK, pendapatan isi rumah di bawah RM 700.00 dikira miskin manakala lebih daripada jumlah tersebut dikira terkeluar daripada perkiraan miskin walaupun mempunyai keperluan yang hakikatnya masih tidak mencukupi (Siti Hadijah et all, 2012: 182). Ia berbeza dengan *Had al-Kifayah* yang meletakkan garis kecukupan yang sepatutnya sepertimana telah dijelaskan di atas.

KESIMPULAN

Kesimpulannya tulisan ini mengutarakan bahawa *Had al-Kifayah* merupakan panduan terbaik bagi sesebuah kerajaan khususnya Malaysia dalam menentukan taraf hidup minimum yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat. Ia bukan sekadar boleh diaplifikasi dalam konteks perlaksanaan sistem zakat bahkan boleh menjangkaui sehingga peringkat mengenalpasti paras gaji minimum yang diperlukan oleh rakyat. Menerusi panduan ini ia akan dapat melahirkan pengagihan ekonomi yang lebih adil dalam masyarakat dan seterusnya menunjukkan keupayaan produk Islam dalam menangani cabaran ekonomi semasa.

RUJUKAN

Al-Quran

¹⁰ Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

¹¹ Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Al-Hadith

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi (2010) *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf, <http://www.shamela.ws>

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahyuddin Ibn Sharf (Tahqiq: Muhammad Najib Muti'i), (t.th.) *Kitab al-Majmu'ala Sharh al-Muhazzab Li al-Shirazi*, Jeddah: Maktabah Irshad.

Al-Shafii, Muhammad Ibn Idris (Tahqiq: Rif'at Fauzi Abd al-Muttalib), (2001) *al-Um*, Cet. 1., Jil. 3, Mansurah, Mesir: Dar al-Wafa'.

Al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali Ibn Muhammad ibn Abdullah (Tahqiq: Muhammad Subhi ibn Hasan Hallaq) (t.th) *al-Fath al-Rabbani Min Fatawa al-Imam al-Shaukani*, Sana'a', Yaman: Maktabah al-Jil al-Jadid, Jil. 7: 3261

Al-Shaukani, Muhammad Ibn Ali, (t.th.) *Nail al-Autar: Min ahadith Sayyid al-Akhyar*, j.4, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.

Darwazah, Muhammad Azzah (2002) *al-Tafsir al-Hadith: Tartib al-Suar Hasba al-Nuzul*, c.2, Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami

Ibn Qudamah al-Maqdisi (meninggal dunia 683H) (1996) *al-Mughni Li Ibn Qudamah* (meninggal dunia 630H) Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir, Cet. 1, Jil. 4, Kaherah: Dar al-Hadith.

Indeks harga pengguna 2012, <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com>

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>

Mohamed Saladin Abdul Rasool, Arifin Md Salleh & Mohd Fauzi Mohd Harun (2012) *Poverty measurement by Islamic Institutions*, World Academy of Science, Engineering and Technology, issue 0065, May 2012, <http://www.waset.org/journals/waset/v65/v65-50.pdf>

Qaradhawi, Yusuf al- (1991) *Fiqh al-Zakah*, c.20, Beirut: Mu'asassah al-Risalah.

Sayyid Hawwā (1988), *al-Islām*, Beirut: Dār 'Ammār.

Shami, Salih Ahmad al- (1992) *al-Sirah al-Nabawiyah: Tarbiyyah al-Ummah wa Bina'u Daulah*, c.1, Beirut: al-Maktabah al-Islami

Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali (2012) *Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan*, Prosiding PERKEM VII, Jil. 1(2012):ISSN:2231-962X,
http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_1D1.pdf

Tajribah Diwan al-Zakah Fi Takhfir Had al-Faqr, <http://www.zakat-sudan.org/index9ae4.html>, 2 Januari, 2006.

Uwais, Abd al-Halim (2004) *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, c.1, Mansurah: Dar al-Wafa'

Zuhaily, Wahbah al- (1989) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c.3, Syria: Dar al-Fikr.